PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (048-060)

Penyebaran Varian Leksikal Kata Ganti Nama di Daerah Cameron Highlands: Analisis Geolinguistik

[1]Siti Noraini Hamzah, [2]Harishon Radzi, [3]Junaini Kasdan & [4]Nor Hashimah Jalaluddin
snoraini@ukm.edu.my, naslin@ukm.edu.my, junaini@ukm.edu.my, nhj7892@gmail.com

[1,2]Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA;
[3,4]Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Tarikh terima : 11 Disember 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 16 Februari 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Pengaplikasian teknologi dalam bahasa semakin mendapat tempat khususnya kajian berkenaan dialek Melayu oleh para penyelidik bahasa. Ini terjadi disebabkan ledakan revolusi industri 5.0 yang melanda dunia kini. Ekoran itu, kajian ini akan membincangkan perihal penyebaran varian leksikal kata ganti nama oleh penutur dialek Melayu yang tinggal di daerah Cameron Highlands, Pahang berbantukan teknologi *Geographical Information System* (GIS). Kajian ini bersifat lapangan sepenuhnya dan hanya melibatkan daerah Cameron Highlands. Kaedah temu bual dan soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang diingini. Seterusnya, data-data tersebut ditranskripsi fonetik dan dianalisis secara tuntas menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua leksikal sahaja iaitu 'saya' dan 'kamu'. Penganalisisan data dibuat dengan menggunakan perisian GIS dan penjelasan data berdasarkan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik. Dapatan analisis membuktikan bahawa penyebaran dialek Melayu di Cameron Highlands amat dipengaruhi oleh faktor-faktor persempadanan dan sosiobudaya. Oleh itu, peta taburan untuk kedua-dua leksikal ini berjaya dihasilkan. Hal ini membuktikan bahawa bidang bahasa dapat berkembang maju seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini.

Kata kunci: penyebaran, dialek Melayu, leksikal, teknologi, GIS

Distribution of Lexical Variants Pronouns in Cameron Highlands District: A Geolinguistics Analysis

Abstract

The application of technology to language is gaining ground, especially for studies by language researchers on the Malay dialect. This occurrence is a result of the current global industrial revolution, known as Industry 4.0. Accordingly, this study discusses the distribution of the lexical variants of pronouns by Malay dialect speakers living in Cameron Highlands, Pahang, with the help of the Geographical Information System (GIS) technology. This study is entirely field research and solely involves the Cameron Highlands district. Interviews and questionnaires were the methods employed to obtain the anticipated data. Next, the data were phonetically transcribed and thoroughly analyzed using a geolinguistics approach. This study only focuses on two lexical

items: 'saya' and 'kamu'. The data analysis was conducted using the GIS software, and the data explanation was based on linguistics and non-linguistic factors. The analysis findings demonstrate that the distributions of the Malay dialect in Cameron Highlands are greatly influenced by delimitation and socio-cultural factors. Consequently, the distribution map for these two lexical elements was developed successfully. It indicates how the field of language could progress alongside current technological advancements.

Keywords: distribution, Malay dialect, lexical, technology, GIS

---

1. Pengenalan

Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat yang menuturkannya. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai kepelbagaian dialek yang memiliki ciri persamaan dan perbezaannya. Namun begitu, kepelbagaian dialek ini bersifat saling faham antara satu sama lain (Chambers & Trudgill 1998). Perkongsian ciri persamaan ini menunjukkan bahawa dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri warisan bersama daripada bahasa sumber atau asal, manakala perbezaan itu pula menggambarkan sesuatu dialek itu telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain. Kerencaman yang ada pada dialek-dialek Melayu telah menjadikan dialek Melayu menjadi unik secara tersendiri dan menarik perhatian pengkaji bahasa bagi meneliti keistimewaan dialek Melayu. Apatah lagi kepelbagaian dialek ini memainkan peranan yang penting dalam setiap aspek sosial dan budaya di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

Tambahan lagi, dialek merupakan suatu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi dan suasana sosial tertentu. Keterwakilan dialek yang dibentuk bagi sesebuah kawasan berbeza dari suatu komuniti dengan komuniti yang lain (Collins 1986). Hal ini dibuktikan oleh Asmah (1985) yang menyatakan bahawa di Malaysia terdapat pelbagai dialek mengikut daerah. Selain itu, dalam satu-satu daerah juga mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain seperti yang dikemukakan oleh Raja Mukhtaruddin (1986). Variasi dialek ini dikenali sebagai subdialek (Asmah 1985). Hal ini turut sama dihujahkan oleh Mario dan Frank Gaynor (1960) dan Abdul Hamid (1993) yang menyatakan bahawa dialek merupakan bentuk khusus sesuatu bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur di daerah tertentu atau di kawasan geografi tertentu. Sehubungan dengan itu, jelas bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Begitu juga perihalnya dengan dialek Melayu Pahang, iaitu salah satu variasi bahasa Melayu yang dituturkan di negeri Pahang. Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan negeri Kelantan di sebelah utara, negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan di bahagian barat, negeri Johor di belah selatan dan negeri Terengganu serta Laut China Selatan di bahagian timur (Portal Diraja Pahang 2022). Oleh itu, dialek Melayu Pahang telah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian Pahang Hilir termasuk sekitar daerah Pekan dan Rompin, bahagian Pahang Tengah termasuk di sekitar daerah Maran, Bera, Temerloh dan Chenor serta bahagian Pahang Hulu di sekitar Raub, Kuala Lipis, Jerantut dan Cameron Highlands. Dialek yang dituturkan di Pahang ini mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi pertuturan dan istilah yang digunakan. Kebanyakan istilah tersebut tidak ada dalam bahasa Melayu standard dan sebutannya adalah berbeza.

Ekoran itu, kajian ini akan dimulakan dengan daerah yang terkecil dalam negeri Pahang iaitu Cameron Highlands sebagai lokasi kajian bagi membincangkan senario penyebaran dialek Melayu Pahang. Seperti yang kita sedia maklum, Cameron Highlands merupakan salah satu tempat pelancongan tanah tinggi yang popular di Malaysia. Tarikan utamanya adalah produk pelancongan berasaskan pertanian dan alam semula jadi (Wan Suzita et al. 2016).

1.1 Permasalahan Kajian

Kajian berkenaan dengan dialek Melayu telah banyak dilakukan oleh para penyelidik bahasa sama ada dari sudut sintaksis, sosiolinguistik, laras bahasa, dialek geografi dan geolinguistik seperti Suhaila et al. (2019), Maulana Al-Fin & Fazal Mohammed (2020), Hayati et al. (2020), Fazal Mohammed & Nurul Afiqah (2021), Harishon & Nur Rasidah (2021), Nur Habibah et al. (2019), Teerarojanarat & Tingsabadh (2011), Fukushima (2019), Siti Noraini (2018), Fazal Mohammed et al. (2019), Fazal Mohammed & Amir Imran (2019), Junaini et al. (2019), Shahidi et al. (2020) dan Nor Hashimah et al. (2019; 2020; 2021). Begitu juga dengan kawasan yang menjadi fokus kajian. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini tertumpu pada dialek di Perlis, Kedah, Hulu Perak utara, Perak, Pulau Pinang, Langkawi, Johor dan Terengganu.

Berdasarkan kajian lepas, maka kajian ini adalah kesinambungan daripada kajian geolinguistik yang mengaplikasikan teknologi GIS dalam memerihalkan penggunaan dialek Melayu Pahang di daerah Cameron Highlands. Kajian berkenaan dialek di kawasan ini belum pernah disentuh dan kaji oleh pengkaji bahasa. Oleh sebab itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti sejauh mana pemilihan penggunaan kata ganti nama ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam dialek Melayu Pahang di dua buah kampung dalam daerah Cameron Highlands.

2. Sorotan Kajian Lepas

Pengkajian berkenaan dengan bahasa dan dialek begitu rancak dewasa ini. Banyak kajian menjadikan dialek khususnya sebagai data yang dikaji sama ada dibincangkan dari sudut sintaksis, laras bahasa dan juga sosiolinguistik. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dibuat oleh Suhaila et al. (2019), Maulana Al-Fin & Fazal Mohammed (2020), Hayati et al. (2020), Fazal Mohammed & Nurul Afiqah (2021) dan Harishon & Nur Rasidah (2021). Kajian yang dibuat oleh Suhaila et al. (2019) didapati menggunakan data dialek Melayu Patani iaitu leksikal /ɲɔ/ dan dianalisis representasi sintaksisnya menggunakan *Teori Role and Reference Grammar*. Dapatan kajiannya telah menunjukkan bahawa struktur konstituen binaan pasif /ɲɔ/ dialek Melayu Patani menunjukkan peranan aktor dan pengalami dalam binaan pasif. Maulana Al-Fin & Fazal Mohammed (2020) serta Fazal Mohammed & Nurul Afiqah (2021) pula membincangkan perihal ayat selapis dalam dialek Perlis dan kata kerja bantu dalam dialek Terengganu menggunakan kerangka Program Minimalis. Hasil kajian dalam dialek Perlis menunjukkan bahawa penutur dialek ini amat meminimumkan penggunaan subjek yang terdiri daripada unsur frasa nama sehingga menyebabkan wujudnya fenomena bahasa berpredikat serta terdapat lima pola ayat selapis dalam dialek Perlis. Sementara, dalam dialek Melayu Terengganu terdapat kata kerja bantu yang boleh hadir sebelum atau selepas kata kerja. Dapatan terbaharu menunjukkan bahawa kata kerja bantu aspek *doh* dalam dialek Melayu Terengganu boleh hadir selepas kata kerja dan terdapat kata kerja bantu gabungan antara kata kerja bantu aspek dan modal.

Aspek sosiolinguistik pula dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Hayati et al. (2020) berkenaan dengan pengekalan dan peralihan penggunaan dialek Melayu Satun berdasarkan faktor umur penutur. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa dalam domain tidak formal, dialek Melayu Satun menjadi pilihan penduduk kampung di daerah Satun dan bahasa Thailand standard akan digunakan dalam keadaan formal. Dan kajian oleh Harishon & Nur Rasidah (2021) pula menghuraikan penggunaan dialek dalam gaya bahasa bagi lagu pasukan bola sepak di Malaysia. Terdapat lapan buah lagu yang mewakili lagu pasukan bola sepak Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu yang diteliti.

Seterusnya, kajian dialek berbantukan teknologi semakin mendapat perhatian para penyelidik bahasa sama ada di dalam mahupun di luar negara. Antaranya ialah Teerarojanarat & Tingsabadh (2011), Fukushima (2019), Siti Noraini (2018), Fazal Mohammed et al. (2019), Fazal Mohammed & Amir Imran (2019), Junaini et al. (2019), Shahidi et al. (2020) dan Nor Hashimah et al. (2019; 2020; 2021). Kesemua pengkaji ini mengaplikasikan teknologi iaitu perisian *Geographical Information System* (GIS) dalam membincangkan penyebaran dialek Melayu. Buktinya, kajian Terarojanarat & Tingsabadh (2011) berjaya menghasilkan peta penyebaran leksikal *‘dew’* di seluruh Thailand dan

sebanyak 11 varian leksikal yang ditemui. Kajian Fukushima (2019) pula lebih meneliti aspek kepelbagaian serta perubahan kata adjektif dalam dialek Niigata iaitu melihat perubahan fonologi dan morfologi dalam kalangan generasi muda Jepun. Walau bagaimanapun, beliau tidak menghuraikan secara jelas aspek geografi yang mempengaruhi penyebaran dialek Niigata. Manakala, kajian oleh Siti Noraini (2018), Fazal Mohammed et al. (2019), Fazal Mohammed & Amir Imran (2019), Junaini et al. (2019), Shahidi et al. (2020) dan Nor Hashimah et al. (2019; 2020; 2021) dilihat membincangkan perihal penyebaran dialek Melayu sama ada di Perlis, Kedah, Pahang, Langkawi, Johor dan Terengganu secara jelas dan mendalam. Kesemua pengkaji ini melihat aspek linguistik dan bukan linguistik dalam mempengaruhi penyebaran varian leksikal dan bunyi di dalam dialek Melayu. Hal ini dibuktikan dengan kajian Siti Noraini (2018) yang membincangkan penyebaran varian leksikal dan bunyi bagi 'air', 'bantal' dan 'saya' dalam dialek Melayu di Perak. Hasil dapatan menunjukkan bahawa taburan dan penyebaran bagi ketiga-tiga leksikal tersebut turut dipengaruhi oleh faktor-faktor bukan linguistik seperti geografi kawasan kajian, migrasi, sejarah dan latar belakang responden. Dapatan kajiannya juga telah menunjukkan kepelbagaian dalam dialek Melayu di Perak. Buktinya, pemetaan isoglos dialek di Perak terbahagi kepada dialek Melayu Patani, dialek Melayu Kedah, subdialek Kuala Kangsar, subdialek Perak Tengah, bahasa Melayu standard, bahasa Banjar, Jawa dan Minang.

Kajian Fazal Mohammed et al. (2019) pula berjaya membahaskan satu penemuan baru bahawa terdapat beberapa variasi bagi leksikal 'punggung', 'baling' dan 'comot' yang mewakili variasi dialek Perlis. Antara dialek yang dikenal pasti turut mempengaruhi variasi leksikal-leksikal ini ialah dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Satun. Fazal Mohammed & Amir Imran (2019) juga berjaya memetakan satu isoglos baru untuk dialek Melayu di Kedah dengan melihat leksikal 'punggung' dan 'kerbau'. Manakala, kajian oleh Junaini et al. (2019) membincangkan leksikal yang melibatkan emosi iaitu 'suka' dan 'nangis' dalam dialek Melayu di Pulau Pinang. Hasil analisisnya menyatakan bahawa perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal yang dikaji telah berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebarannya di Pulau Pinang, sekaligus membuktikan bahawa kesemua varian yang digunakan sangat berkaitan dengan geografi setempat. Kajian oleh Nor Hashimah et al. (2019; 2020; 2021) berkenaan dengan penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan Satun, migrasi dialek di Johor dan penyebaran dialek Melayu di pesisir pantai di Terengganu. Dapatan ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa faktor linguistik dan bukan linguistik juga amat mempengaruhi penyebaran leksikal dan bunyi dalam dialek di Langkawi, Johor dan Terengganu. Dengan ini, dapat dikatakan bahawa pengaplikasian teknologi GIS dalam kajian dialek dapat menghasilkan bukti pemetaan dengan lebih tepat dan saintifik sifatnya.


Walau bagaimanapun didapati bahawa terdapat cubaan oleh beberapa pengkaji seperti Nur Habibah et al. (2019) untuk menghuraikan penyebaran leksikal yang memaparkan peta taburan. Namun begitu, peta yang dihasilkan tidak mengaplikasikan perisian teknologi GIS dan masih bersifat lakaran tangan. Buktinya, kajian tentang dialektologi Hulu Perak Utara yang dibuat oleh Nur Habibah et al. (2019). Hasil dapatan menunjukkan bahawa wujud kesejajaran fonologi bagi vokal dan konsonan dalam varian Hulu Perak Utara, data leksikal memperlihatkan kesejajaran yang sangat berlainan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain dan varian di Hulu Perak Utara dibahagikan kepada tiga kelompok kawasan yang masing-masingnya mempunyai ciri linguistik yang berbeza antara satu sama lain. Manakala, pengkaji juga turut memaparkan peta bagi taburan varian di Hulu Perak Utara tetapi peta tersebut masih bersifat lakaran manual.

Berdasarkan kesemua kajian ini, didapati bahawa semua data yang digunakan melibatkan kaedah kajian lapangan dalam mendapatkan data dialek yang diingini. Begitu juga dengan kajian dialek Melayu di Cameron Highlands. Data lapangan merupakan data yang diperoleh dalam kalangan penggunaan masyarakat setempat dan tidak akan disangkal kesahihannya. Pengaplikasian GIS dalam memetakan taburan varian leksikal dalam dialek-dialek lain telah membawa kepada kajian ini.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan sepenuhnya dan data dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Fokus kajian ialah penyebaran dialek Melayu Pahang di daerah Cameron Highlands. Pemilihan daerah

ini adalah untuk meneliti sejauh mana pemilihan penggunaan kata ganti nama ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam kalangan penduduk kampung yang menuturkan dialek Melayu Pahang ataupun sebaliknya. Seperti yang kita sedia maklum, daerah ini sangat terkenal sebagai tempat pelancongan dan aktiviti pertanian. Oleh itu, sebanyak dua buah kampung yang dikenal pasti dihuni oleh majoriti masyarakat Melayu dipilih sebagai kawasan kajian. Antara kampung tersebut ialah Kampung Desa Kayangan dan Kampung Taman Sedia. Di bawah ini dipaparkan peta daerah negeri Pahang.



Peta 1: Negeri Pahang (Sumber: www.visitselangor.com/negeri-pahang)

Seramai 34 orang responden berbangsa Melayu yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, iaitu remaja, dewasa dan warga tua telah ditemu bual bagi mendapatkan data yang diingini. Kriteria pemilihan responden ini berdasarkan NORM’s, iaitu *nonmobile*, *old*, *rural* dan *male* (Chambers & Trudgill 1990). Di samping itu, kajian ini melakukan inovasi daripada istilah ini dalam pemilihan responden. Kebanyakan responden yang ditemu bual merupakan penduduk kampung yang menetap secara kekal dalam jangka masa yang lama di kampung tersebut. Kelompok umur ini dipilih bertujuan untuk memperlihatkan kepelbagaian varian leksikal dan bunyi yang digunakan di kawasan kajian. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kawasan luar bandar atau kampung. Dari segi jantina pula, kajian ini tidak mengambil kira jenis jantina dalam pemilihan responden. Responden lelaki dan perempuan digunakan dalam mendapatkan data dialek yang diingini untuk kajian ini. Hal ini kerana golongan perempuan juga layak dijadikan responden kerana kebanyakan mereka adalah suri rumah dan pergerakan mereka juga terbatas.

Seterusnya, teknik pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah temu bual, bercerita dan soal selidik. Kaedah temu bual dilakukan dengan cara pengkaji bertanyakan soalan berkaitan dengan latar belakang kampung kepada informan, iaitu ketua kampung atau penghulu. Begitu juga dengan kaedah bercerita. Kebanyakan informan atau responden yang ditemu bual akan diminta bercerita kegiatan mereka seharian dan kaedah ini dibuat dalam konteks berkomunikasi sama ada dengan kawan-kawan ataupun dalam keluarga. Dengan kata lain, kaedah bercerita dirakam ketika mereka berbual sesama mereka agar data yang dikehendaki diperoleh. Kesemua kaedah ini melibatkan alatan seperti perakam, telefon dan borang soal selidik. Borang soal selidik pula mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian maklumat diri responden atau informan, maklumat demografi dan bahagian terakhir adalah senarai leksikal mengikut domain. Bagi kajian ini hanya dua leksikal yang dipilih iaitu ‘saya’ dan ‘kamu’. Pemilihan dua leksikal ini disebabkan oleh kekerapan penggunaannya dalam kehidupan dan sangat dekat dengan masyarakat pengguna dialek.

Pengolahan data dibuat selepas mendapatkan data yang dikehendaki di lapangan. Pada tahap ini, data ditranskripsi menggunakan tranksripsi fonetik sebelum dimasukkan ke dalam *microsoft excel* dan perisian GIS. Perisian GIS atau *Geographical Information System* dimanfaatkan sepenuhnya untuk memproses dan menjana pemetaan data dialek yang diperolehi di lapangan. Menurut Ang (2015), GIS didefinisikan sebagai satu sistem untuk menangkap, menyimpan, memeriksa, mengintegrasikan, memanipulasi, menganalisis dan memaparkan data yang berkaitan dengan reruang (*spatial*) yang berpandukan kepada latitud bumi. Dengan kata lain, penggunaan perisian ini adalah untuk menghasilkan pemetaan secara berdigital dan bermaklumat. Hal ini kerana pemetaan secara digital bersifat tepat, jelas dan benar berbanding dengan kaedah pemetaan yang dilakukan secara tradisional dan manual.

Seterusnya tahap terakhir adalah tahap penganalisisan data. Data dianalisis berdasarkan aspek linguistik, bukan linguistik dan seterusnya mengaplikasikan perisian GIS untuk menjana peta taburan leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam dialek Melayu Pahang di daerah Cameron Highlands. Teknik kloroplet (*choropleth*) digunakan untuk memaparkan peta taburan varian. Peta ini berfungsi untuk mengenal pasti taburan data varian di setiap kawasan kajian. Teknik ini dipaparkan dengan meletakkan pelbagai simbol atau warna yang mewakili satu-satu varian leksikal dan bunyi di kampung-kampung yang dikaji.

4. Keputusan dan Perbincangan

Berdasarkan data yang diperolehi dari lapangan, sebanyak empat varian ditemui untuk merujuk kepada leksikal ‘saya’ dan lima varian bagi merujuk kepada leksikal ‘kamu’ dalam kalangan penduduk di kedua-dua kampung yang dikaji. Varian-varian tersebut dapat dilihat seperti paparan jadual di bawah:

Jadual 1: Paparan Data Varian Leksikal ‘saya’

No.	Nama Kampung	sɑjə	ɑku	kɔj	kəh
1.	Kampung Desa Kayangan	/	/	/	/
2.	Kampung Taman Sedia	/	/	/	/


Jadual 2: Paparan Data Varian Leksikal ‘kamu’

No.	Nama Kampung	kɔ	ɑwɔʔ	kɔmə	kɑw	ɑɔʔ
1.	Kampung Desa Kayangan	/	/			/
2.	Kampung Taman Sedia		/	/	/	

Analisis Geolinguistik

Berdasarkan pola taburan varian leksikal, penulis mendapati setiap perbezaannya terjadi berkait rapat dengan faktor geografi. Pembentukan dialek yang dipengaruhi faktor geografi mahupun sejarah seperti yang dinyatakan oleh Newton (1972) membawa kepada pembentukan variasi dialek yang pelbagai. Kepelbagaian ini telah membentuk pelbagai variasi dari segi leksikal mahupun fonologi. Jika dilihat dalam dialek Melayu, kepelbagaian yang wujud berbeza mengikut negeri atau kawasan yang diwakili oleh dialek atau subdialek secara umumnya. Walau bagaimanapun jika diteliti secara khusus, persempadanan negeri tidak memberi penetapan mutlak kepada persempadanan dialek. Selain itu, jaringan sungai, bukit, gunung dan paya turut mempengaruhi kewujudan pelbagai variasi dialek Melayu khususnya di daerah Cameron Highlands.

Merujuk kepada jadual 1 di atas, didapati sebanyak empat varian ‘saya’ yang sama taburan penggunaannya ditemui di kedua-dua kampung. Antara varian-varian tersebut ialah /sɑjə/, /ɑku/, /kɔj/ dan /kəh/. Kehadiran varian-varian ini dilihat disebabkan oleh faktor geografi di kawasan tersebut sama ada membuka atau menutup ruang kepada penyebaran ke kawasan-kawasan sekitarnya. Peta 1 di bawah memaparkan taburan varian leksikal ‘saya’ beserta dengan taburan bentuk muka bumi di kawasan kajian.




Peta 1: Taburan Varian Leksikal ‘saya’ di Cameron Highlands

Berpandukan peta taburan di atas, didapati bahawa keempat-empat varian ini tidak menyebar ke kawasan-kawasan yang lain disebabkan oleh kedudukan kedua-dua kampung dikelilingi oleh bukit bukau dan gunung. Buktinya terdapat Bukit Dengan, Gunung Berincang, Bukit Ruil, Gunung Jasar, Gunung Berembun, Bukit Mentigi, Bukit Kemunting, Bukit Lowick, Bukit Palas dan Gunung Rock yang menutup ruang penyebaran dialek yang digunakan di kampung-kampung ini. Tambahan pula daerah Cameron Highlands sememangnya terkenal dengan keadaan bentuk muka buminya yang berbukit bukau dan bergunung ganang serta didiami oleh majoriti bangsa Cina. Walau bagaimanapun, kemasukan pengaruh dialek Melayu Pahang sendiri berlaku di kedua-dua kampung ini disebabkan oleh wujudnya kemudahan jalan raya di celah-celah bukit dan gunung. Oleh sebab itu, masih terdapat penggunaan varian /kɔj/ dan /kəh/ iaitu variasi dialek Melayu Pahang untuk merujuk kepada leksikal ‘saya’ di Kampung Desa Kayangan dan Kampung Taman Sedia. Persempadanan daerah ini dengan daerah Kuala Lipis, Raub, Jerantut dan Temerloh juga dilihat mempengaruhi penyebaran varian /kɔj/ dan /kəh/ menyerap masuk di kedua-dua kampung ini. Oleh sebab itu, penggunaan variasi dialek Melayu Pahang masih lagi ditemui di dua perkampungan ini.

Begitu juga perihalnya dengan taburan penggunaan varian untuk leksikal ‘kamu’. Sebanyak lima varian iaitu /kɔ/, /kɑw/, /ɑwɔʔ/, /kɔmə/ dan /ɑɔʔ/ ditemui penggunaannya dalam kalangan penduduk kampung. Senario penyebaran untuk varian-varian ini sama seperti dengan variasi leksikal ‘saya’ iaitu keadaan bentuk muka bumi di kampung-kampung ini telah menutup ruang sebaran ke sekitarnya dan kemudahan jalan raya dilihat telah membuka ruang kemasukan dialek atau subdialek

yang bersempadan masuk ke daerah ini. Namun begitu, kehadiran varian-varian ini sedikit berbeza dengan taburan penggunaan leksikal ‘saya’. Hal ini terbukti berdasarkan paparan dalam jadual 2 dan peta 2. Berdasarkan jadual 2 di atas dan paparan peta 2 di bawah, didapati bahawa terdapat tiga (3) varian yang merujuk kepada leksikal ‘kamu’ ditemui penggunaannya di Kampung Desa Kayangan iaitu varian /kɔ/, /ɑwɔʔ/ dan /ɑɔʔ/. Manakala, varian /kɑw/, /ɑwɔʔ/ dan /kɔmə/ pula ditemui penggunaannya dalam kalangan penduduk Kampung Taman Sedia. Varian /ɑwɔʔ/ dan /ɑɔʔ/ dikenal pasti sebagai varian dialek Melayu Pahang yang meresap masuk di perkampungan ini disebabkan faktor persempadanan daerah Cameron Highlands dengan daerah Kuala Lipis, Raub, Jerantut dan Temerloh. Manakala, varian /kɔmə/ merupakan variasi yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Perak kerana daerah ini turut bersempadan dengan negeri Perak di sebelah baratnya. Persempadanan ini telah menyebabkan pengaruh dialek Melayu Perak meresap di perkampungan dalam daerah Cameron Highland. Di bawah ini dipaparkan peta taburan varian leksikal ‘kamu’.



Peta 2: Taburan Varian Leksikal ‘kamu’ di Cameron Highlands

Berdasarkan kedua-dua peta taburan untuk leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’, didapati bahawa kedua-dua leksikal ini masih memperlihatkan dan mengekalkan varian yang bercirikan dialek Melayu Pahang. Walaupun daerah ini terkenal sebagai pusat pelancongan dan petempatannya didominasi oleh bukan bangsa Melayu. Kedudukan daerah ini yang bersempadan dengan negeri Perak dan daerah-daerah Hulu Pahang seperti Kuala Lipis, Raub, Jerantut dan Temerloh telah memperlihatkan kepelbagaian varian untuk kedua-dua leksikal kata ganti nama ini. Buktinya, ditemui varian yang dipengaruhi oleh dialek

Melayu Perak iaitu varian /kɔmə/ bagi merujuk kepada kata ganti nama diri ‘kamu’ khususnya subdialek Kuala Kangsar dan Perak Tengah (Nor Hashimah et al. 2016).

Analisis Faktor Sosiobudaya

Selain faktor geografi dan persempadanan yang mempengaruhi taburan variasi dialek di Cameron Highlands, faktor sosiobudaya seperti perpindahan, umur, taraf pendidikan, pekerjaan, perkahwinan dan sebagainya turut menyumbang kepada kepelbagaian variasi dialek dalam kalangan penduduk kampung di daerah ini.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi di lapangan, penduduk kampung yang ditemui terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada dari segi umur, pekerjaan, pendidikan dan perkahwinan. Kepelbagaian latar belakang responden ini secara tidak langsung turut mempengaruhi kepada kepelbagaian varian untuk leksikal yang dikaji iaitu leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’. Buktinya, penggunaan varian-varian bagi leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ oleh generasi muda iaitu kelompok umur 16 tahun hingga 45 tahun dan generasi tua dalam kelompok umur 46 tahun ke atas (WHO 2016) adalah berbeza. Keadaan ini dapat dijelaskan berdasarkan taburan peratusan penggunaan varian-varian ini di kedua-dua kampung yang dikaji.

Jadual 3: Peratusan Penggunaan Varian Leksikal ‘saya’

No.	Varian	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	sɑjə	70%	50%
2.	ɑku	30%	10%
3.	kɔj	0%	20%
4.	kəh	0%	20%

Jadual 4: Peratusan Penggunaan Varian Leksikal ‘kamu’

No.	Varian	Peratusan (%)	
		Generasi Muda	Generasi Tua
1.	kɔ	30%	0%
2.	kɑw	70%	0%
3.	ɑwɔʔ	0%	60%
4.	ɑɔʔ	0%	30%
5.	kɔmə	0%	10%


Berpandukan jadual 3 dan 4 di atas, didapati wujud perbezaan antara dua generasi umur ini dalam penggunaan varian bagi leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’. Hal ini dapat dibuktikan dengan penggunaan varian [sɑjə] sebanyak 70 peratus dan varian [ɑku] sebanyak 30 peratus oleh generasi muda untuk leksikal ‘saya’. Namun begitu, generasi tua juga cenderung menggunakan varian [sɑjə] dengan peratusan sebanyak 50 peratus dan varian [ɑku] sedikit sahaja iaitu sebanyak 10 peratus penggunaannya. Bagi varian [kɔj] dan [kəh], penggunaannya hanya ditemui dalam kalangan penduduk kampung yang bergenerasi tua iaitu masing-masing sebanyak 20 peratus. Seterusnya untuk varian leksikal ‘kamu’ pula, didapati generasi muda cenderung menggunakan varian [kɔ] dan [kɑw] iaitu dengan peratusan sebanyak 30 peratus dan 70 peratus. Manakala generasi tuanya lebih memilih menggunakan varian [ɑwɔʔ], [ɑɔʔ] dan [kɔmə] dengan peratusan penggunaannya sebanyak 60 peratus, 30 peratus dan 10 peratus.

Kehadiran penggunaan varian-varian leksikal ini amat dipengaruhi oleh latar belakang responden berbeza kategori umur yang ditemui. Varian [sɑjə], [ɑku], [kɔ] dan [kɑw] yang merupakan leksikal bahasa Melayu standard kebanyakan ditemui dalam kalangan generasi muda di kampung-kampung ini (Abdul Jalil et al. 2013). Varian [kɔ] dan [kɑw] sebenarnya berkongsi kata dasar yang

sama iaitu ‘engkau’ tetapi mengalami pemendekan suku kata menjadi [kɔ] dan [kɑw] mengikut sebutan atau loghat penuturnya. Generasi muda yang ditemui dominan menggunakan bahasa Melayu standard dalam perbualan seharian mereka. Manakala varian [kɔj], [kəh], [ɑwɔʔ], [ɑɔʔ] dan [kɔmə] banyak ditemui penggunaannya dalam kalangan penduduk kampung generasi tua. Varian-varian seperti [kɔj], [kəh], [ɑwɔʔ] dan [ɑɔʔ] merupakan varian asli bagi kata ganti nama diri dalam dialek Melayu Pahang. Cuma bezanya adalah mengikut daerah yang didiami dan digunakan dalam negeri Pahang. Varian [kəh] misalnya, banyak ditemui penggunaannya di daerah Raub, Kuala Lipis dan Jerantut. Varian [kɔj] pula banyak digunakan di daerah Temerloh dan Kuantan. Manakala, varian kata ganti nama diri kedua iaitu [ɑwɔʔ] dan [ɑɔʔ] banyak penggunaannya di setiap daerah dalam negeri Pahang.

Peratusan penggunaan leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ antara dua generasi umur ini jelas memperlihatkan perbezaan yang sangat ketara dalam pemilihan varian dalam dialek Melayu Pahang di daerah Cameron Highlands. Dapat dikatakan bahawa penutur generasi muda di kedua-dua kampung ini lebih cenderung memilih menggunakan varian penyebutan bahasa Melayu standard seperti sebutan dalam dialek Melayu Johor dan dialek Melayu Selangor (Abdul Jalil et al. & Asmah 2008). Kedua-dua dialek ini diangkat sebagai bentuk standard dalam bahasa Melayu. Hal ini terjadi kerana pengaruh media massa seperti, televisyen, internet dan pendidikan di sekolah dilihat turut mempengaruhi pemilihan varian leksikal untuk digunakan oleh generasi muda berbanding loghat atau dialek yang dituturkan oleh ibu bapa mereka. Selain itu, pengekalan penggunaan varian asli dialek Melayu Pahang dalam kalangan generasi tua di kampung-kampung ini juga tidak begitu kuat. Walaupun penggunaannya masih lagi ada tetapi sejauh mana dan sampai bila ia akan terus kekal digunakan. Peratusan penggunaannya sangat kecil berbanding dengan varian berbentuk standard.


Begitu juga dari sudut pekerjaan, pendidikan dan perkahwinan. Didapati bahawa faktor-faktor ini turut mempengaruhi kepelbagaian varian untuk leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam kalangan penduduk kampung yang ditemui. Keadaan ini sama seperti pemilihan varian antara generasi tua dan muda. Kebanyakan responden yang berpendidikan sekolah rendah iaitu seramai 15 peratus cenderung mengekalkan penggunaan dialek setempat sama ada dialek Melayu Pahang ataupun dialek yang bersempadan. Manakala 53 peratus responden yang berpendidikan sekolah menengah didapati banyak menggunakan bentuk standard dalam komunikasi mereka. Hal ini dapat diperhatikan dalam carta pai di bawah yang memaparkan peratusan tahap pendidikan responden di kedua-dua kampung yang dikaji.



Carta Pai 1: Peratusan Tahap Pendidikan Responden

Seterusnya, taraf pekerjaan turut mempengaruhi kewujudan pelbagai varian dialek di kedua-dua kampung ini. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, seramai 23 peratus suri rumah yang ditemu bual masih mengekalkan penggunaan dialek Melayu Pahang untuk penggunaan kata ganti nama ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam kehidupan mereka. Keadaan ini terjadi kerana golongan ini banyak menghabiskan

masa mereka di rumah dan jarang keluar daripada kampung serta bergaul sesama mereka sahaja. Manakala, seramai 38 peratus responden adalah bekerja sebagai peniaga dan 21 peratus adalah pelajar. Golongan ini kebanyakannya menggunakan bentuk standard dalam pertuturan mereka sama ada di rumah ataupun dengan masyarakat. Sementara itu, seramai 18 peratus adalah dalam kalangan pesara. Kebanyakan pesara yang berasal dari negeri Pahang masih mengekalkan penggunaan varian dialek Melayu Pahang. Bagi Pesara yang berasal dari negeri-negeri yang lain, kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu standard dalam pertuturan seharian mereka. Carta pai di bawah memaparkan peratusan pekerjaan responden yang dikaji.



Carta pai 2: Peratusan Pekerjaan Responden

Selain tahap pendidikan dan pekerjaan, faktor perkahwinan campur juga mempengaruhi kepada pemilihan penggunaan varian bagi leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’. Apa yang dimaksudkan dengan perkahwinan campur ialah perkahwinan yang melibatkan pasangan berbeza negeri atau kawasan. Dengan kata lain, lelaki atau perempuan yang berkahwin dengan lelaki atau perempuan dari daerah atau negeri lain. Keadaan ini telah membuktikan bahawa salah satu dialek atau subdialek akan menipis penggunaannya oleh kalangan anak-anak khususnya. Oleh sebab itu, ditemui banyak penggunaan varian yang berbentuk standard dalam kalangan responden remaja atau generasi muda.

5. Kesimpulan

Taburan penggunaan dialek Melayu Pahang di kedua-dua kampung dalam daerah Cameron Highlands dilihat semakin menipis dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini sekiranya tidak diberi perhatian pastinya akan membawa kepada gejala penipisan dan kepupusan bahasa dan dialek. Hal ini turut dibuktikan oleh pernyataan oleh Teo Kok Seong (2000) yang menyatakan bahawa gejala penipisan bahasa dan dialek pada masa kini sangat menyerlah dalam kalangan penutur yang menuturkan dialek di sesuatu kawasan-kawasan tertentu. Keadaan ini disebabkan kebanyakan dialek yang dituturkan oleh warga tua sudah tidak kedengaran digunakan oleh golongan remaja. Ini juga disebabkan oleh latar belakang responden yang berpendidikan, berkerjaya dan perkahwinan jelas menyumbang kepada kepelbagaian ini. Dengan ini dapat dinyatakan bahawa peralihan bahasa atau dialek berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan sekiranya dibiarkan berleluasa ia boleh membawa kepada pencairan terhadap sesuatu bahasa atau dialek secara perlahan-lahan. Walau bagaimanapun, pengekalan untuk beberapa varian dalam dialek Melayu Pahang masih ditemui dalam kalangan generasi tua tetapi tetap berisiko mengalami kepupusan apabila penutur generasi ini meninggal dunia. Pengaplikasian GIS dalam menghasilkan peta taburan untuk leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ dilihat dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap senario penggunaan dialek dalam kalangan penduduk kampung di daerah Cameron Highlands.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pindaan 1 2021 yang berkod: WAB/10/UKM/02/2 dan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) 2021 yang berkod: 063; bertujuan untuk Membina pangkalan data model SLap (*Scientific Language Preservation*) untuk bahasa Negrito.

Rujukan

Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Guru dan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext.

Abdul Jalil Anuar, Shariffulizan Malek, Rahmah Jaafar & Mohaini Mohd Saffar. 2013. *Glosari Dialek Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ang Kean Hua. (2015). Sistem Informasi Geografi (GIS): Pengenalan kepada Perspektif Komputer. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(1):24-31.

Asmah Haji Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J. T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Second Edition. Cambridge: Cambridge University Press.

Fazal Mohammed Mohammed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan Geodialek Beraplikasikan GIS. *AKADEMIKA* 89 (2):139-154.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi Leksikal Dialek Melayu di Negeri Kedah: Kajian Geolinguistik. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 15(4):16-29.

Fazal Mohammed Mohammed Sultan & Nurul Afiqah Mohamad. (2021). Analisis Kata Kerja Bantu Dalam Dialek Melayu Terengganu Menggunakan Program Minimalis. *JURNAL LINGUISTIK* 25 (2):001-019.

Fukushima, C. (2019). Towards interlingual dialectology. *Dialectologia. Special issue* 8(2019):15-28

Harishon Radzi & Nor Rasidah Mohamad Buhari. (2021). Dialek Dalam Gaya Bahasa Lagu Pasukan Bola Sepak Di Malaysia. *JURNAL LINGUISTIK* 25 (1):133-147.

Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur. *JURNAL LINGUISTIK* 24 (2):047-058.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. (2019). Varian Kata Ganti Nama dalam Dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (Slik2019).*

Kumai. (2012). Tips melawat Cameron Highlands. https://mrkumai.blogspot.com/2012/01/tips-melawat-cameron-highlands-kampung.html (Dicapai 19 Ogos 2022)

Mario, A. P. & Gaynor, F. (1960). *A dictionary of linguistics*. New Jersey: Adam & co.

Maulana Al-Fin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan. 2020. Ayat Selapis dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis. *JURNAL LINGUISTIK* 24 (1):001-018.

Newton, B. (1972). *The Generative Interpretation of Dialect: A Study of Modern Greek Phonology*. Cambridge: Cambridge University Press.

Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 16 (1):109-123.

Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume* 19(1):77-96.

Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. *Akademika* 90(3):147-161.

Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraaf Saari. (2021). The Continuum of Terengganu Dialect along the East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study. *Journal of Nusantara Studies* 6(1):176-198.

Nur Habibah C. R, Rahim Aman & Shahidi A. H. (2019). Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi Sinkronik. *JURNAL LINGUISTIK* 23 (2):061-082.

Peta negeri Pahang. https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/map-of-pahang-state/ (Dicapai 23 Ogos 2022)

Portal Diraja Pahang. (2022). Pengenalan negeri Pahang. http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/ (Dicapai 9 Ogos 2022).

Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. (1986). *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.

Shahidi, A. H, Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman & Muhamad Syahmi Sabri. (2020). Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space 16 issue 4*, 179-196.

Siti Noraini Hamzah. (2018). Penyebaran Bunyi dan Leksikal Dialek-Dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Tesis Dr. Fal*, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Suhaila Binsamaae, Maslida Yusof & Kartini Abd. Wahab. (2019). Analisis Representasi Sintaksis Pasif /ɲɔ/ Dialek Melayu Patani Berdasarkan Teori Role and Reference Grammar. Jurnal Linguistik 23 (2):092-109.

Teerarojanarat, S. & Tingsabadh, K. (2011). Using GIS for linguistic study: a case of dialect change in the Northeastern Region of Thailand. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21(2011):362-371. http://www.publicacions.ub.edu/revistes/dialectologia6/

Teo, Kok Seong. (2000). *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh. (2016). Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space* 12 (14):97-112.

World Health Organization (WHO). (2016). WHO takes a stand againt ageism on the International Day of Older Persons. Geneva: Wold Health Organization. http://www.who.int/mediacentre/news/releases/2016/discrimination-ageing-youth/en/

Biodata Penulis

Siti Noraini Hamzah merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan geolinguistik.

Harishon Radzi merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua Program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan geolinguistik.

Junaini Kasdan merupakan pensyarah kanan di Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah gastronomi dan geolinguistik.

Nor Hashimah Jalaluddin merupakan mantan pensyarah dan Profesor di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, leksikografi dan geolinguistik. Kini beliau menjadi Felo Tamu Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.